

04 NOV 1998

Ling-Pelabuhan

KABINET SETUJU LAKSANA CADANGAN MENGENAI PELABUHAN KLANG

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Kabinet hari ini bersetuju melaksanakan beberapa cadangan untuk mempromosi dan meningkatkan penggunaan Pelabuhan Klang, termasuk penubuhan syarikat pengantara kebangsaan.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik cadangan lain termasuk insentif kepada pengimport dan pengeksport, peranan lebih besar bagi Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan mempromosi Pelabuhan Klang melalui media elektronik tempatan.

"Kami berhasrat untuk mempromosikan pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan serantau," kata beliau kepada pemberita di pejabatnya di sini selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Penubuhan syarikat pengantara dan tawaran insentif kepada pengimport dan pengeksport ialah antara cadangan yang dikemukakan pada dialog dengan pengguna pelabuhan Sabtu lalu. Dialog itu dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ling berkata penubuhan syarikat pengantara kebangsaan bertujuan membawa semua kargo dari Malaysia ke Pelabuhan Klang untuk meningkatkan pemunggahan kargo di pelabuhan utama itu.

"Syarikat ini ialah bersifat sokongan kepada syarikat-syarikat pengantara di negara ini," kata beliau.

Dr Ling berkata pemegang ekuiti ialah pelabuhan-pelabuhan tempatan dan kerajaan akan merangka butiran seperti modal berbayar dan strukturnya kemudian.

Mengenai insentif kepada pengimport dan pengeksport, Dr Ling berkata ia mungkin dalam bentuk diskaun dan akan diagihkan daripada pendapatan yang akan diperolehi apabila lebih banyak pengguna menggunakan Pelabuhan Klang.

"Apabila semua pemunggahan kontena dilakukan di Pelabuhan Klang, ini dapat menjimatkan perbelanjaan dan wang yang dijimatkan itu, separuh akan diagihkan kepada kerajaan dan separuh lagi kepada pengguna," kata beliau.

Dr Ling berkata walaupun pengimport dan pengeksport sekarang menikmati kadar tarifi yang rendah sejak 35 tahun lalu tetapi mereka tidak menikmati kemudahan lain seperti dinikmati oleh pengguna lain seperti laluan perkapalan.

Kira-kira 40 peratus daripada trafik kontena Malaysia dikendalikan oleh pelabuhan Singapura dan ini menyebabkan kerajaan kerugian kira-kira RM3 bilion hingga RM5 bilion setiap tahun.

Mengenai peranan lebih besar bagi MISC, Dr Ling berkata perkara itu akan diputuskan kemudian sambil berkata peranan seperti itu akan membantu kerajaan mempromosikan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan.

Mengenai cadangan untuk mempromosikan Pelabuhan Klang melalui media elektronik, Dr Ling berkata ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna mengenai pelabuhan utama negara.

Dr Ling juga berkata beliau akan mengkaji laporan bahawa pemilik-pemilik kapal mahu menubuhkan dana baru untuk menyuntik semula modal kepada syarikat-syarikat perkapalan yang bermasalah.

-- BERNAMA

RV FAZ